

TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR
KETUA MENTERI SABAH
MERANGKAP Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah
Sempena Majlis Pelancaran Pembangunan Lok Kawi Resort City &
Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Inisiatif
Pelaburan Asing/Domestik
22 MAC, 2021

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna pada petang ini. Bagi pihak Kerajaan Negeri dan Yayasan Sabah, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih, kepada YAB. Tan Sri Perdana Menteri, atas kesudian untuk hadir menyempurnakan pelancaran majlis kita pada petang ini, dan sekali gus menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman dua inisiatif pelaburan asing dan domestik. sempena lawatan kerja ke Negeri Sabah.
2. Saya juga ingin mengalu-alukan dan merakamkan penghargaan atas kehadiran semua para tetamu jemputan; anggota pentadbiran Persekutuan dan Negeri, para penjawat awam, sektor swasta, NGO dan semua pihak yang terlibat.
3. Kerajaan Negeri Sabah berusaha sehabis baik untuk memacu pembangunan negeri ke tahap yang lebih tinggi. Dalam konteks ini, kita yakin bahawa kerjasama yang jitu di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, dan dengan sokongan padu sektor swasta, kita berupaya untuk melaksanakan pelbagai agenda pembangunan untuk kepentingan negeri dan rakyat. Fokus dan pendekatan yang strategik adalah amat penting untuk melonjakkan pembangunan dan kedudukan ekonomi negeri Sabah.
4. Untuk makluman YAB Tan Sri, Kerajaan Negeri yang saya pimpin bermula 29 September 2020 berhadapan dengan realiti dan kedudukan ekonomi yang amat mencabar. Isu legasi yang diwarisi dan pandemik COVID-19, menuntut kita untuk menyusun semula keutamaan, menangani penyusutan pertumbuhan ekonomi dan mengenal pasti sumber baharu untuk memperkukuh hasil negeri. Pada masa yang sama, kita perlu mengenal pasti dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menjana dan meningkatkan ekonomi rakyat.
5. Pembentukan kerangka pelan pembangunan adalah amat penting untuk melaksanakan hasrat tersebut. Pelan berfungsi sebagai panduan hala tuju dasar dan program kerajaan, seterusnya memandu arah pelaksanaan secara strategik untuk mencapai sasaran yang bertepatan dengan keperluan pembangunan negeri.
6. Berpandukan pelbagai platform libat urus yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, Kerajaan Negeri telah membentuk Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ). Hala Tuju SMJ merupakan kerangka pelan pembangunan utama negeri yang memayungi pelbagai blueprint pembangunan sektoral. Pelaksanaan fasa pertama bermula melalui Pelan Pembangunan SMJ 1.0 bagi tempoh 2021 – 2025.
7. Pelan ini berpaksikan kepada tiga teras utama iaitu, Pertama; Sektor Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan sebagai fokus pertumbuhan ekonomi. Kedua, Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat; dan ketiga, Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau. Hala Tuju Sabah Maju Jaya akan bergerak seiring dengan kerangka agenda pembangunan nasional di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

8. Sungguhpun Hala Tuju Sabah Maju Jaya akan hanya dilancarkan secara rasmi pada 29 Mac depan disebabkan kekangan pandemik COVID-19, namun pelaksanaannya telah bermula dari awal tahun. Pada hari ini, kita akan menyaksikan sebahagian daripada inisiatif berimpak tinggi di bawah pelan ini.

9. Sebagaimana teras pertama Hala Tuju SMJ, sektor pertanian, perindustrian dan pelancongan akan menjadi fokus utama pemacu pertumbuhan ekonomi negeri. Majlis hari ini akan melibatkan tiga inisiatif awal berimpak tinggi yang masing-masing mewakili setiap tiga sektor tersebut.

10. Majlis Pelancaran Pembangunan Lok Kawi Resort City adalah inisiatif SMJ di bawah kluster sektor pelancongan. Projek pembangunan ini melibatkan kolaborasi Kumpulan Yayasan Sabah dengan syarikat Tegas Bangsa Sdn. Bhd.. Projek ini akan dibangunkan di kawasan Lok Kawi, Putatan di atas kawasan milik Kumpulan Yayasan Sabah seluas 411 ekar.

11. Komponen pembangunan ini melibatkan pembinaan pusat peranginan, hotel, kompleks membeli belah, taman tema, blok komersil serta pejabat, perumahan dan lain-lain dengan nilai pembangunan kasar projek (GDV) sejumlah RM7 bilion. Penglibatan Kumpulan Yayasan Sabah akan berterusan melalui usahasama dalam pengurusan beberapa komponen projek yang bakal siap dibangunkan.

12. Projek ini akan dapat melonjakkan persekitaran yang kondusif bagi sektor pelancongan, khususnya dalam menangani kekurangan jumlah bilik penginapan dan pusat peranginan di Sabah bagi menampung keperluan yang tinggi. Kita optimis sektor pelancongan di Sabah akan dapat kembali berkembang rancak sebaik sahaja pandemik COVID-19 dapat ditangani. Projek ini dijangka menyediakan lebih 5,000 peluang pekerjaan dan akan bertambah apabila beroperasi sepenuhnya kelak.

13. Selain Pembangunan Lok Kawi Resort City, kita juga akan menyaksikan majlis menandatangani dua Memorandum Persefahaman yang melibatkan inisiatif pelaburan asing dan domestik. Pertama, Projek Kilang Pembuatan Copper Foil yang melibatkan kerjasama Syarikat SK Nexilis Company Limited, Korea dengan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) Sdn. Bhd. di bawah kluster sektor perindustrian.

14. Sebagai sebuah syarikat pengeluar Copper Foil untuk kenderaan elektrik yang berpangkalan di Korea Selatan, SK Nexilis telah bersetuju untuk membuat pelaburan pertama di luar Korea Selatan dan telah memilih Sabah sebagai destinasi pelaburan. Pelaburan ini melibatkan nilai sejumlah RM2.3 bilion dan dijangka menawarkan 500 peluang pekerjaan bagi fasa awal. Pembinaan kilang disasarkan bermula tahun ini dan akan mula beroperasi pada tahun 2023. Pelaburan ini juga dijangka akan meningkatkan penggunaan Pelabuhan Sepanggar dengan kadar 10,000 TEU (Twenty-foot Equivalent Unit) setahun.

15. MoU kedua akan melibatkan inisiatif pelaburan domestik di antara Linaco Group of Companies dan Kerajaan Negeri Sabah secara langsung. Pelaburan ini adalah untuk penanaman dan memproses kelapa iaitu high- yield hybrid coconut palms berskala besar dan diikuti dengan pembangunan kilang memproses kelapa bersepadu untuk mengoptimumkan pengeluaran produk berasaskan kelapa.

16. Sebagai sebuah syarikat terkemuka yang membekal produk-produk berasaskan kelapa kepada lebih daripada 40 negara, Linaco akan membeli semua kelapa yang dituai melalui penanaman kelapa bersepadu. Sebuah Pusat Kecemerlangan juga akan dibangunkan untuk memantau pelaksanaan amalan terbaik dalam projek ini. Kilang memproses kelapa bersepadu akan mula beroperasi secepat mungkin dengan pelaburan awal dianggarkan sebanyak RM200 juta.

17. Sesungguhnya, penglibatan sektor swasta dan para pelabur dari dalam dan luar negara akan menjadi antara strategi utama pelaksanaan Hala Tuju SMJ. Jentera Kerajaan Negeri telah diarahkan untuk mengambil pendekatan yang lebih proaktif untuk menarik dan meningkatkan kemasukan pelaburan.

18. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada tiga pihak yang terlibat dalam inisiatif awal berimpak tinggi yang bakal mula dilaksanakan ini iaitu Tegas Bangsa Sdn. Bhd., SK Nexilis Co. Ltd. dan Linaco Group of Companies. Insya Allah, kita akan dapat menyaksikan lebih banyak syarikat tempatan dan luar terlibat dalam pelaburan di negeri ini.

19. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, termasuk agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang banyak memainkan peranan dalam menjayakan pelaburan daripada SK Nexilis. Kerajaan Negeri mengharapkan sokongan dan bantuan berterusan daripada semua pihak.

20. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan sekalung penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, atas kesudian untuk hadir dalam majlis pada petang ini, dan sekali gus atas komitmen untuk mengadakan lawatan kerja ke negeri Sabah. Kehadiran ini adalah bukti keprihatinan tinggi YAB Tan Sri untuk membantu pembangunan ekonomi Sabah.

21. Saya yakin lawatan kerja ini akan terus mengukuhkan lagi semangat kerjasama dan hubungan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Semoga kita berjaya merancakkan lagi momentum pembangunan negeri yang tercinta, demi merealisasikan Sabah Maju Jaya dan Wawasan Kemakmuran Bersama.

22. Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana, Warga Kerja Kumpulan Yayasan Sabah dan Pengurusan Tegas Bangsa Sdn. Bhd. serta semua pihak atas kesungguhan dalam menjayakan dan menguruskan majlis ini.
Salam Sabah Maju Jaya.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.